

Tindakan tak ikut saluran yang betul: Musa Hitam

KUALA LUMPUR: Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam berkata, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak sepatutnya menyelar kepimpinan kerajaan sekarang terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, perbuatan bekas perdana menteri itu tidak mengikut saluran betul dan jika diteruskan ia boleh memecah-belahkan dan mewujudkan keadaan tidak baik di kalangan ahli Umno khususnya dan orang Melayu serta rakyat umumnya.

Musa berkata, kenyataan yang dibuat Dr Mahathir itu amat negatif dan beliau bimbang ia akan memberi implikasi serius, jika dibiarkan berterusan," katanya sambil mengaku mengeluarkan kenyataan dengan berat hati.

Katanya, kenyataan Dr Mahathir bahawa Abdullah bukanlah pilihan sebenarnya

untuk dilantik sebagai Perdana Menteri tetapi Datuk Seri Najib Razak, adalah kenyataan yang bertujuan untuk memecah-belahkan antara kedua-dua pemimpin itu.

Bagaimanapun katanya, biarpun Dr Mahathir melakukan kritikan keras dan tidak mengikut tata susila Umno, Abdullah dan Najib mengambil pendirian berbeza tetapi memberi kesan yang sama.

Sementara itu, Dewan Profesional Muda Malaysia (Promuda) menjelaskan, komen pengerusinya, Don Rahim mengenai hak Tun Dr Mahathir mengkritik pentadbiran semasa, bukanlah pandangan dewan berkenaan.

Bendahari Promuda, Tengku Zafrul Aziz, berkata, kenyataan Don seperti yang disiarkan sebuah akhbar kelmarin adalah pandangan peribadi, bukannya dewan itu keseluruhan.